

U 8084 AAB
MAHATHIR - SABAH

JITRA, 20 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA ISU SABAH EKORAN TINDAKAN PARTI BERSATU SABAH (PBS) KELUAR DARIPADA BARISAN NASIONAL BOLEH DISELESAIKAN DENGAN +CARA BIASA+.

+KITA AKAN CUBA MENERANGKAN KEPADA RAKYAT SABAH TENTANG BETAPA BAIKNYA MEREKA BERADA DALAM MALAYSIA SUPAYA PENERANGAN YANG DIBUAT OLEH (DATUK SERI JOSEPH) PAIRIN KITINGIAN (KETUA MENTERI SABAH) YANG MENYEBABKAN ORANG SABAH BENCI KEPADA MALAYSIA DAPAT DIHAPUSKAN,+ KATA PERDANA MENTERI.

+SEBENARNYA, ORANG SABAH DAHULU PUN MEMILIH MALAYSIA TETAPI SEJAK PBS MENJADI KERAJAAN, IA TELAH MEMBAKAR HATI ORANG SABAH.

+WAKTU PBS MENANG, DAHULU PUN DIA MENANG SEDIKIT SAHAJA TETAPI SEJAK IA MEMERINTAH, USAHANYA IALAH UNTUK MENIMBULKAN PERSELISIHAN FAHAM ANTARA KERAJAAN SABAH, ORANG SABAH DENGAN ORANG DARI SEMENANJUNG,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS JAMUAN TENGAH HARI DI KEDIAMAN PEGAWAI DAERAH KUBANG PASU, DATUK SYED ZAIN SYED ABDULLAH, DI SINI HARI INI.

MENGENAI CADANGAN GERAKAN HENDAK MENGEMBANGKAN SAYAPNYA KE SABAH, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +YANG ITU SATU PERKARA YANG KITA TAK HENDAK AMBIL KIRA LAGI WAKTU INI.+ -- LAGI

1717MST 20 10 90

U 8087 AAB
MAHATHIR - SABAH 2 JITRA

BAGAIMANAPUN, KATANYA, BARISAN NASIONAL TIDAK DAPAT MENGHALANG GERAKAN SEKIRANYA PARTI ITU HENDAK BERBUAT DEMIKIAN.

+KALAU KITA BOLEH TUBUH UMNO (DI SABAH), GERAKAN PUN BOLEH...,+ KATANYA.

MENURUTNYA, GERAKAN TIDAK DITUBUHKAN DI SABAH SEBELUM INI KERANA PARTI ITU BERHARAP DAPAT MENJALINKAN KERJASAMA DENGAN PBS.

+KALAU GERAKAN SEKARANG INGIN MENUBUHKAN CAWANGANNYA DI SABAH, INI BERMAKNA GERAKAN TIDAK LAGI MAHU BEKERJASAMA DENGAN PBS,+ TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA DARIPADA MAKLUMAT YANG DITERIMANYA, RAMAI PENYOKONG PAS KINI TELAH MENYATAKAN HASRATNYA TIDAK AKAN KELUAR MENGUNDI SEKALIPUN MEREKA TIDAK AKAN MENYERTAI ATAU MENYOKONG UMNO EKORAN TINDAKAN PARTI SEMANGAT 46 MEWUJUDKAN KERJASAMA DENGAN PBS. -- LAGI

1722MST 20 10 90

U 8088 AAB
MAHATHIR - SABAH 3 JITRA

+MEREKA SUDAH TENTU TIDAK AKAN MENYOKONG PARTI SEMANGAT 46 KERANA BAGI MEREKA PARTI SEMANGAT 46 BUKAN PAS. MEREKA ANGGAP PARTI SEMANGAT 46 TELAH MENYELEWENG JAUH DAN TIDAK COCOK SEKALI DENGAN DASAR-DASAR PAS.

+WALAUPUN PEMIMPIN PAS SENDIRI SANGGUP BEKERJASAMA, MEREKA TIDAK SANGGUP NAK SOKONG PARTI SEMANGAT 46,+ TAMBAH BELIAU. -- BERNAMA

1723MST 20 10 90